

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/JLD.2(3)

Tarikh : 09 Oktober 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kerja Raya  
Ibu Pejabat  
Jabatan Kerja Raya  
88582 Kota Kinabalu

Pengarah  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Tingkat 5 dan 6, Menara Khidmat  
Jalan Belia  
88000 Kota Kinabalu

Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Tingkat 5, Menara Khidmat  
Jalanbelia  
88000 Kota Kinabalu

Pengarah  
Jabatan Tanah dan Ukur  
88576 Kota Kinabalu

Pengarah  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci No. 68  
90009 Sandakan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BILANGAN 17 TAHUN 2000**

---

**PANDUAN AM PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)  
BERKAITAN DENGAN KAWASAN OPERASI UNTUK KELAS  
KONTRAKTOR BAGI KERJA UNDI, SEBUTHARGA DAN REQUISITION**

---

Saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) dapati ada beberapa Jabatan/Agensi yang tidak mematuhi Panduan Am – Pendaftaran Kontraktor Kerja Awam yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

2. Adalah didapati ada beberapa Jabatan/Agensi telah menggunakan kontraktor-kontraktor dari luar kawasan pentadbiran Daerah untuk kerja-kerja undi, sebutharga, requisition, kerja-kerja penyelenggaraan yang kecil dan kerja-kerja kecil yang lain. Amalan dan tindakan ini adalah bertentangan dengan Panduan Am PKK dan tidak mematuhi Panduan Am – Pendaftaran Kontraktor Kerja Awam PKK berkaitan dengan kerja undi, sebutharga dan requisition.

3. Adalah diharapkan Jabatan-jabatan/Agensi-agensi mematuhi perenggan 4.2 Panduan Am – Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang cabutannya adalah seperti berikut :-

“4.2. Kerja Undi, Sebutharga dan Requisition

Kontraktor kerja kelas F dibenarkan menyertai Kerja Undi,  
Sebutharga dan Requisition hanya di dalam Kawasan Pentadbiran  
Daerah atau Wilayah Persekutuan yang ianya didaftarkan oleh PKK”

Di atas sokongan dan perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan ke atas perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

T.T  
( **DATUK DR HJ ABDUL AZIZ BIN MOHD ALI** )  
Pegawai Kewangan Persekutuan  
Sabah

s.k. Semua Jabatan Akauntan Negara,  
Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Keningau  
Dan W.P. Labuan

*Pek.Perb.Bil.17tahun2000*